

KHUTBAH JUMAAT
Bersempena Hari Guru 2025

**"GURU MADANI:
MEMBANGUN KARAKTER KARAMAH INSANIAH"**
(16 Mei 2025M/ 18 Zulkaedah 1446H)

الْحَمْدُ لِلَّهِ، الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي هَدَانَا إِلَى صِرَاطٍ مُسْتَقِيمٍ، وَبَعَثَ النَّبِيَّ
مُبَشِّرِينَ وَمُنذِرِينَ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ
أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.

اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ. فَقَدْ فَازَ
الْمُتَّقُونَ.

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Marilah kita bersama-sama meningkatkan ketakwaan kepada Allah *subhanahu wata'ala* dengan sebenar-benar takwa. Sesungguhnya takwa menjadi benteng utama dalam kehidupan kita, takwa berupaya mengawal hati, akal, dan perbuatan agar sentiasa berada di landasan yang diredai Allah.

Sebelum bicara diteruskan, khatib ingin mengingatkan diri ini dan seluruh sidang Jumaat sekalian, jauhilah perkara-perkara yang sia-sia semasa khutbah disampaikan, jangan leka dengan telefon bimbit, elakkan bercakap-cakap atau tertidur dengan sengaja. Dengarlah khutbah dengan penuh tumpuan kerana setiap nasihat yang diberikan adalah untuk manfaat kita bersama.

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Khutbah hari ini bertajuk “**Guru MADANI: Membangun Karakter Karamah Insaniah**”, bersempena dengan Hari Guru yang disambut pada 16 Mei setiap tahun. Guru adalah penyambung risalah Rasulullah *sallallahu alaihi wasallam* yang bukan hanya sekadar menyampaikan ilmu, malah merupakan arkitek pembangunan ummah, dalam membentuk akhlak dan sahsiah manusia. Guru juga individu yang tidak pernah lelah berkorban demi masa depan generasi akan datang. Marilah kita menghayati sabda Nabi *sallallahu alaihi wasallam* yang disampaikan oleh Abu Hurairah *radiallahu anhu* yang berbunyi:

((إِنَّمَا بُعِثْتُ لِأَتَمِّمَ صَالِحَ الْأَخْلَاقِ))

Maksudnya: *Sesungguhnya tidak aku diutuskan, melainkan untuk menyempurnakan kebaikan akhlak.*

(Hadis riwayat Imam Ahmad)

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Sejak sebelum merdeka, madrasah dan sekolah menjadi institusi pendidikan yang memainkan peranan besar dalam masyarakat kita. Ia bukan sahaja tempat menimba ilmu, tetapi juga pusat pembentukan karakter berteraskan adab, akhlak, dan integriti. Peranan ini diterajui oleh para murabbi atau guru yang ikhlas dan penuh dedikasi, mereka menggilap potensi anak-anak bangsa menjadi insan berkualiti yang berakhlak mulia.

Namun, kita perlu sedar bahawa tanggungjawab mendidik bukan

hanya terletak di bahu guru, bahkan setiap daripada kita, sama ada ibu bapa, ahli masyarakat, atau pemimpin mempunyai peranan penting dalam menyokong pendidikan dan pembentukan generasi MADANI. Anak adalah amanah Allah kepada kita. Maka, marilah kita bersama-sama memastikan bahawa persekitaran mereka dipenuhi dengan nilai murni yang akan membentuk insan berkarakter mulia.

Karamah insaniah menekankan keadaban manusia sebagai makhluk Allah. Guru membimbing murid supaya menjadi insan yang mengenal Tuhannya, memuliakan sesama manusia, dan menjaga kelestarian alam. Guru juga merupakan pembimbing yang bertindak membentuk karakter serta kemahiran komunikasi sesama insan.

Sesungguhnya, tugas ini memerlukan jiwa yang tulus dan pengorbanan yang tiada penghujungnya. Oleh sebab itu, individu yang bergelar guru telah diberikan tempat yang tinggi dalam Islam, sebagaimana tercatat dalam surah al-Mujadalah, ayat 11:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا إِذَا قِيلَ لَكُمْ تَفَسَّحُوا فِي الْمَجَالِسِ فَافْسَحُوا يَفْسَحِ
اللَّهُ لَكُمْ وَإِذَا قِيلَ أَنْشُرُوا فَأَنْشُرُوا يَرْفَعِ اللَّهُ الَّذِينَ ءَامَنُوا مِنْكُمْ وَالَّذِينَ
أُوتُوا الْعِلْمَ دَرَجَاتٍ ۗ وَاللَّهُ بِمَا تَعْمَلُونَ خَبِيرٌ (١١)

Wahai orang yang beriman! apabila diminta kepada kamu memberi lapang dari tempat duduk kamu (untuk orang lain) maka lapangkanlah seboleh-bolehnya supaya Allah melapangkan (segala halnya) untuk kamu. Dan apabila diminta kamu bangun maka bangunlah, supaya Allah meninggikan darjat orang yang beriman di

antara kamu, dan orang yang diberi ilmu pengetahuan agama (dalam kalangan kamu) - beberapa darjat. dan (ingatlah), Allah Maha mendalam pengetahuannya tentang apa yang kamu lakukan.

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Kompetensi guru terhadap pendidikan diterapkan melalui pelbagai tahap kecekapan, bertujuan menjamin kualiti pendidikan yang akan memberi manfaat kepada generasi kini dan akan datang. Khutbah ini juga menyoroti pentingnya Falsafah Pendidikan Kebangsaan yang menekankan keseimbangan aspek jasmani, emosi, rohani, dan intelek. Justeru, dengan menghayati falsafah ini, guru dapat melahirkan generasi mampan yang berilmu dan berakhlak mulia, serta berupaya menyumbang kepada keharmonian keluarga, masyarakat, dan negara.

Seiring dengan perkembangan zaman, adab dan akhlak generasi muda kini juga semakin diuji. Kehidupan yang semakin terbuka, kemajuan teknologi internet, pengaruh media sosial, dan gaya hidup moden telah mengubah cara berfikir serta cara generasi muda berinteraksi sesama mereka. Perubahan ini turut memberi kesan kepada cara bercakap, cara menghormati guru, dan cara berkomunikasi di dalam serta di luar sekolah. Keadaan ini menjadi satu cabaran kepada guru untuk mempertingkatkan pengetahuan dan kemahiran dalam menyeimbangkan pengaruh positif dan negatif teknologi agar generasi muda dapat memanfaatkan ilmu secara beradab dan berakhlak mulia.

Dalam tradisi keilmuan Islam, terdapat satu ungkapan yang mengatakan: "Adab dahulu, kemudian ilmu." Ini menunjukkan betapa pentingnya adab sebelum seseorang itu mencapai ilmu yang tinggi. Imam Ibnu Hajar al-Asqalani *rahimahullah* menukilkan dalam kitabnya *al-Munabbihat ala al-Isti'dad li Yaum al-Ma'ad*, kata-kata Imam al-Hasan al-Basri *rahimahullah* yang berbunyi:

((مَنْ لَا أَدَبَ لَهُ لَا عِلْمَ لَهُ، وَمَنْ لَا صَبْرَ لَهُ لَا دِينَ لَهُ، وَمَنْ لَا وَرَعَ لَهُ لَا زُفَى لَهُ))

Maksudnya: *Sesiapa yang tiada adab pada dirinya maka dia tidak akan mendapat ilmu. Sesiapa tiada sabar pada dirinya maka tidak (sempurna) agamanya dan sesiapa tidak warak maka tidak ada kedudukan untuknya.*

Realitinya hari ini, profesion perguruan tidak hanya berdepan dengan cabaran adab dan akhlak murid, tetapi turut menjadi tumpuan bagi ibu bapa dan masyarakat umum. Walaupun profesion ini sangat mulia di sisi agama, ia sentiasa diuji dan menjadi bahan perbualan, terutamanya di media sosial. Saban tahun, pelbagai isu dibangkitkan di media sosial melibatkan profesion perguruan dan secara tidak langsung mengundang reaksi negatif dalam kalangan masyarakat.

Sedarlah, perkara yang disebut tadi boleh membawa kesan buruk kepada akhlak dan cara berfikir generasi akan datang. Ini kerana, menghormati guru sebenarnya melambangkan penghormatan masyarakat kepada ilmu. Jika masyarakat hilang rasa hormat kepada guru, nilai ilmu dan kepentingan pendidikan juga akan

semakin pudar dalam kehidupan kita. Daripada Ubadah bin as-Somit *radiallahu anhu* bahawa Rasulullah *sallallahu alaihi wasallam* bersabda:

((لَيْسَ مِنْ أُمَّتِي مَنْ لَمْ يُجِلِّ كَبِيرَنَا، وَيَرْحَمِ صَغِيرَنَا،
وَيَعْرِفَ لِعَالِمِنَا حَقَّهُ))

Maksudnya: *Bukanlah dikalangan umatku mereka yang tidak memuliakan orang yang lebih tua dalam kalangan kami, mereka yang tidak menyayangi anak-anak kecil dalam kalangan kami dan mereka yang tidak memberikan hak kepada orang alim dalam kalangan kami.*

(Hadis riwayat Imam Ahmad)

Kepada para guru yang dihormati, teruskan usaha anda mendidik anak bangsa dengan penuh dedikasi. Jangan mudah berputus asa walaupun berdepan dengan pelbagai cabaran. Ingatlah, membimbing dan mendidik seseorang dengan ilmu dan akhlak yang baik adalah satu amalan mulia yang akan diberikan ganjaran oleh Allah *subhanahu wata'ala*, bukan hanya di dunia tetapi juga di akhirat kelak.

Guru MADANI adalah pendidik yang membimbing generasi muda ke arah kemampanan dan kesejahteraan hidup, mengasah daya cipta mereka, membentuk rasa hormat kepada sesama, memupuk keyakinan diri berlandaskan iman, serta mengamalkan ihsan dalam setiap perbuatan mereka.

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Mengakhiri khutbah pada hari yang mulia ini, khatib ingin menyampaikan beberapa pesanan:

Pertama: Kita semua perlu sedar bahawa profesion guru adalah tugas yang sangat mulia di sisi agama. Oleh itu, masyarakat perlu mengangkat profesion ini di tempat yang selayaknya.

Kedua: Masalah adab dan akhlak dalam kalangan murid perlu diselesaikan secara bersama. Ibu bapa memainkan peranan penting dengan mengajar adab sejak kecil di rumah, sementara guru akan meneruskan tugas tersebut di sekolah melalui bimbingan, teguran, dan disiplin.

Ketiga: Guru perlu menghayati peranan sebagai pembimbing dalam mendidik anak bangsa, sambil terus menambah ilmu dan kemahiran agar seiring dengan perubahan zaman.

Bersempena sambutan Hari Guru tahun 2025 ini, marilah kita mendoakan kesejahteraan semua guru, sama ada yang masih hidup atau telah meninggal dunia. Semoga ilmu dan didikan mereka menjadi pahala jariah, dan kehidupan mereka sentiasa dirahmati Allah *subhanahu wata'ala* serta dipermudahkan urusan di dunia dan di akhirat.

Marilah kita bersama-sama menghayati firman Allah *subhanahu wata'ala* dalam Surah al-Zumar, ayat 9:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ. بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ.
أَمَّنْ هُوَ قِنْتُ ءَانَاءَ اللَّيْلِ سَاجِدًا وَقَائِمًا يَحْذَرُ الْآخِرَةَ وَيَرْجُوا رَحْمَةَ رَبِّهِ ۗ قُلْ
قُلْ هَلْ يَسْتَوِي الَّذِينَ يَعْلَمُونَ وَالَّذِينَ لَا يَعْلَمُونَ ۗ إِنَّمَا يَتَذَكَّرُ أُولُو
الْأَلْبَابِ (٩)

Maksudnya : (Engkaukah yang lebih baik) atau orang yang taat mengerjakan Ibadat pada waktu malam dengan sujud dan berdiri sambil takutkan (azab) hari akhirat serta mengharapkan rahmat tuhannya? "Katakanlah lagi (kepadanya): "Adakah sama orang yang mengetahui dengan orang yang tidak mengetahui?" Sesungguhnya orang yang dapat mengambil pelajaran dan peringatan hanyalah orang yang berakal sempurna.

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ
وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ
قَوْلِي هَذَا، وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ
وَالْمُسْلِمَاتِ، وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

KHUTBAH JUMAAT KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ. الْحَمْدُ لِلَّهِ حَمْدًا كَثِيرًا كَمَا أَمَرَ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ
وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ
وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ،
فِيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ.

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Marilah kita terus mengimarahkan masjid dan surau dengan menunaikan solat fardu secara berjemaah. Pada masa yang sama, pastikan rezeki yang kita peroleh adalah daripada sumber yang halal lagi baik. Suburkanlah rasa hormat dan taat kepada para pemimpin serta kasih sayang sesama masyarakat. Perkukuhkanlah perpaduan ummah demi kestabilan, kemakmuran dan keharmonian masyarakat di Sarawak. Selain itu, kita hendaklah bersungguh-sungguh menghindarkan diri dan ahli keluarga daripada terjebak dengan penyalahgunaan dadah dan perjudian, agar kehidupan kita selamat, bahagia dan sejahtera.

Pada hari yang mulia ini juga, marilah kita memperbanyakkan selawat ke atas Nabi Muhammad *sallallahu alaihi wasallam* seperti yang diperintahkan oleh Allah *subhanahu wata'ala* dalam Surah al-Ahzab, ayat 56:

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ
وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا (٥٦)

Maksudnya: *Sesungguhnya Allah dan malaikat-Nya berselawat (memberi segala penghormatan dan kebaikan) kepada Nabi (Muhammad sallallahu alaihi wasallam); wahai orang yang beriman, berselawatlah kamu kepadanya, serta ucapkanlah salam sejahtera dengan penghormatan yang sepenuhnya.*

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا صَلَّيْتَ
عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ
وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ
سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، فِي الْعَالَمِينَ، إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ.

وَارْضَ اللَّهُمَّ عَنِ الْخُلَفَاءِ الرَّاشِدِينَ الْمُهْدِيِّينَ، سَادَاتِنَا أَبِي بَكْرٍ وَعُمَرَ
وَعُثْمَانَ وَعَلِيٍّ، وَعَنِ الصَّحَابَةِ وَالتَّابِعِينَ لَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.
اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ
وَالْأَمْوَاتِ. إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ وَيَا قَاضِيَ الْحَاجَاتِ.

Ya Allah! Bantulah saudara-saudara kami di mana sahaja mereka berada, khususnya di negara Palestin. Kurniakanlah kepada mereka perlindungan, keselamatan, keamanan, keselesaan dan kemenangan dalam menghadapi musuh yang sentiasa mengganggu mereka. Angkatkanlah dan hilangkanlah daripada mereka bala bencana, kesedihan, peperangan dan permusuhan dengan limpah rahmat-Mu, Tuhan yang Maha Rahmat.

Ya Allah, ampunilah dosa-dosa dan kesalahan kami, ibu bapa kami, ahli keluarga dan guru-guru kami. Limpahkanlah kesejahteraan, kedamaian dan kebahagiaan kepada kami semua dalam kehidupan di dunia dan di akhirat.

Ya Allah, Ya Rahman, Ya Rahim! Berikanlah taufiq dan hidayat-Mu kepada kami semua dan juga kepada pemimpin-pemimpin Negara kami, khasnya kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Malaysia, dan juga pemimpin-pemimpin Islam negeri kami, khususnya Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sarawak.

Ya Allah, hindarkanlah kami daripada melakukan rasuah dan sifat terkeji yang menyeleweng daripada peraturan dan undang-undang negara. Jauhilah kami dan keturunan kami daripada penyalahgunaan dadah. Jadikanlah kami ummah yang berkualiti, berintegriti serta cemerlang demi mencapai negara yang aman dan makmur serta mendapat perlindungan-Mu, ya Allah.

Ya Allah, Ya Dzal Jalali Wal Ikram! Ya Allah, kukuhkanlah perpaduan dan kesatuan kami dengan pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah dalam seluruh nilai kehidupan kami. Limpahkanlah ke atas kami nikmat keselamatan, kesihatan dan keafiatan serta hindarilah kami daripada segala wabak penyakit dan kesempitan hidup.

رَبَّنَا أْتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ. أَمِينَ،
أَمِينَ يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ.

عِبَادَ اللَّهِ. إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ. وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ
الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ. يَعِظُكُم لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ. فَادْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ
يَذْكُرْكُمْ. وَاشْكُرُوهُ عَلَىٰ نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ. وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ. وَلَذِكْرُ
اللَّهِ أَكْبَرُ. وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ. أَقِيمُوا الصَّلَاةَ.